

Persepsi pelajar terhadap amalan pengajaran guru pendidikan islam kontemporari

Students' Perceptions of Teaching Practices of Contemporary Islamic Education Teachers

Amirul Ridzuan Mohd Shafie & Muhammad Zulazizi Mohd Nawi

Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

*Email: zulazizi0902@gmail.com

Received: 31 July 2022; **Accepted:** 20 April 2025; **Published:** 30 April 2025

To cite this article (APA): Mohd Nawi, M. Z., & Mohd Shafie, A. R. (2025). Persepsi Pelajar Terhadap Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Kontemporari: Students' Perceptions of Teaching Practices of Contemporary Islamic Education Teachers. *EDUCATUM Journal of Social Sciences*, 11(1), 113-128. <https://doi.org/10.37134/ejoss.vol11.1.10.2025>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/ejoss.vol11.1.10.2025>

Abstrak

Pendidikan Islam merupakan antara bidang yang sangat lazim dengan institusi pengajian tempatan dan luar negara. Pendidikan Islam juga merupakan suatu mata pelajaran kurikulum bilik darjah yang banyak dikaji oleh sarjana-sarjana Islam selain mengeluarkan pandangan dan ilham mereka dalam menerangkan konsep Pendidikan Islam. Oleh sebab itulah, kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti persepsi pelajar terhadap amalan pengajaran guru Pendidikan Islam kontemporari berdasarkan kaedah-kaedah pengajaran dan pembelajaran terpilih. Kajian ini melibatkan 370 orang responden yang terdiri daripada pelajar tingkatan empat di sekolah menengah kebangsaan dalam daerah Perak Tengah. Umumnya, kajian ini berbentuk kuantitatif dan instrumen kajian yang digunakan bagi mengutip data ialah dalam bentuk set soal selidik. Dapatan kajian ini dianalisis secara tinjauan menggunakan Pakej Statistik untuk Sosial Sains (SPSS) versi 25 untuk menjelaskan persepsi pelajar terhadap amalan pengajaran guru Pendidikan Islam. Hasil kajian mendapati, persepsi pelajar terhadap amalan pengajaran guru Pendidikan Islam berada pada tahap sederhana tinggi iaitu pengajaran langsung ($M = 3.80$, $SP = 0.44$), pembelajaran berasaskan masalah ($M = 3.79$, $SP = 0.33$), pengajaran masteri ($M = 3.73$, $SP = 0.35$), dan pembelajaran koperatif ($M = 3.65$, $SP = 0.38$). Natijahnya, pembelajaran yang baik bergantung kepada kualiti amalan pengajaran guru Pendidikan Islam yang baik. Implikasi kajian juga menunjukkan, amalan pengajaran guru masih memerlukan usaha penambahbaikan, bagi meningkatkan mutu pengajaran, sekaligus menggalakkan pelajar untuk mengikuti mata pelajaran pendidikan Islam.

Kata kunci: amalan pengajaran guru, guru Pendidikan Islam, matapelajaran Pendidikan Islam

Abstract

Islamic education is one of the most common fields with local and foreign educational institutions. Islamic education is also a classroom curriculum subject that is widely studied by Islamic scholars in addition to expressing their views and inspiration in explaining the concept of Islamic Education. For this reason, this study was conducted to identify students' perceptions of the teaching practices of contemporary Islamic Education Teachers (IET) based on selected teaching and learning methods. This study consists of 370 students in national secondary schools in the Perak Tengah district. Generally, this study is quantitative, and the research tool used to collect data is in the form of a set of questionnaires. The findings of this study were analyzed by survey using the Statistical Package for Social Science (SPSS) version 25 to explain students' perceptions of the teaching practices of Islamic Education Teachers (IET). The results of the study found that students' perceptions of the teaching practices of Islamic Education Teachers (IET) are at a moderately high level, namely direct teaching ($M = 3.80$, $SD = 0.44$), problem-based learning ($M = 3.79$, $SD = 0.33$), mastery teaching ($M = 3.73$, $SD = 0.35$), and cooperative learning ($M = 3.65$, $SD = 0.38$). As a result, good learning depends on the quality of teaching practices

of good Islamic Education Teachers (IET). The implications of the study also show that the teaching practice of teachers still needs improvement efforts, to improve the quality of teaching, while encouraging students to follow the subject of Islamic education.

Keywords: Teaching Practices, Islamic Education Teachers, Islamic Education Subject

PENDAHULUAN

Mata pelajaran Pendidikan Islam yang dirangka oleh sistem pendidikan negara adalah bermatlamatkan pembentukan nilai Muslim yang kukuh dalam diri pelajar, selaras dengan kehendak al-Quran dan al-Sunnah. Silibus Pendidikan Islam ini mengandungi bidang akidah, syariah, akhlak dan sejarah. Oleh yang demikian, bagi merealisasikan secara menyeluruh, kerajaan mewajibkan mata pelajaran ini di semua sekolah rendah dan menengah, yang mempunyai bilangan pelajar Islam lebih daripada lima orang (Akta Pendidikan 1996 & Peraturan-peraturan Terpilih, 2003). Umum melihat, nilai keberhasilan mata pelajaran Pendidikan Islam adalah melalui sahsiah dan akhlak pelajar yang mereka pamerkan dalam kehidupan. Walau bagaimanapun, nilai keberhasilan ini bukan sahaja dinilai sebagai tanda aras dalam pendidikan sahaja, tetapi dalam erti kata yang lebih besar, iaitu keberhasilan dalam amalan beragama seseorang, sehingga tidak boleh memisahkan kehidupannya dengan agama (Yalchin, 1977; Qurashi, 2009; Ahmad, 2014).

Oleh sebab itu, penerapan akhlak menjadi suatu yang utama dalam sistem pendidikan di Malaysia. Hal ini adalah bertujuan mempersiapkan diri pelajar sedari awal tumbesaran, untuk menempuh gejala di luar sekolah secara berkesan. Apabila tujuan pendidikan menjadi begitu luas, maka penerapan akhlak perlu diberi lebih penekanan, sehingga merentas aplikasi dalam kehidupan pelajar. Langkah ini bagi memastikan pelajar benar-benar bersedia dan nilai mulia benar-benar sehati dalam diri dan persekitaran pelajar (Mohd Nordin, 1988). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 juga menyokong penuh aspek pendidikan seimbang berasaskan elemen nilai, etika dan kerohanian dalam pengajaran dan pembelajaran (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Penerapan nilai-nilai ini boleh dilaksanakan secara langsung dalam bilik darjah dan tidak langsung di luar waktu sekolah. Penerapan secara langsung dalam bilik darjah sudah tentu memerlukan suatu sistem yang jelas dan tatacara yang teratur. Manakala penerapan secara tidak langsung di luar waktu sekolah, memerlukan kerjasama yang baik antara guru dengan ibu bapa, untuk memantau perkembangan sahsiah dan akhlak pelajar (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2005).

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif utama penyelidikan ini adalah:

1. Untuk mengenal pasti persepsi pelajar terhadap amalan pengajaran guru Pendidikan Islam

PERSOALAN KAJIAN

Persoalan kajian adalah:

1. Apakah persepsi pelajar terhadap amalan pengajaran guru Pendidikan Islam yang meliputi pengajaran langsung, pembelajaran berasaskan masalah, pengajaran masteri, dan pembelajaran koperatif?

SOROTAN KAJIAN

Kajian berkaitan amalan pengajaran guru telah berterusan dilakukan dalam beberapa tahun yang lalu. Kajian amalan pengajaran berteraskan minat pelajar telah dilakukan oleh Abdullah et al. (2018) iaitu kajian terhadap aplikasi dan cabaran pendidikan abad ke-21 (PAK21) yang sedang dihadapi para guru

Bahasa Arab. Kajian terhadap PAK21 yang memerlukan elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi ini, merupakan kajian kuantitatif. Kajian ini mengumpul data persepsi dan persediaan guru bagi mendepani PAK21 dalam bilik darjah bersama para pelajar. Dapatan juga dapat menyenaraikan cabaran dan kekangan yang dihadapi guru Bahasa Arab dalam mengaplikasikan PAK21 dalam konteks pembelajaran bahasa. Pengkaji juga mencadangkan penggunaan teknologi secara maksimum, bagi meningkatkan minat pelajar dan keberkesanan mata pelajaran Bahasa Arab, supaya pengajian Bahasa Arab terus relevan di hati pelajar dan dalam sistem pendidikan Malaysia.

Selain itu, kajian ‘Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam Melalui Kaedah Nasyid’ adalah sebuah kajian kertas konsep yang berkaitan dengan amalan pengajaran dan minat pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam. Kajian Mohamad et al. (2017) ini berbentuk kualitatif, membincangkan aspek nasyid sebagai medium pengajaran yang menyeronokkan, kaedah-kaedah pengajaran berteraskan olahan lirik, keberkesanan dan pelaksanaannya dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Kajian ini mempercayai, bahawa pengajaran berteraskan nyanyian nasyid boleh digiatkan lagi dengan kreativiti guru Pendidikan Islam, berdasarkan topik-topik dalam silibus. Sementara itu, kajian ‘Hubungan Antara Gaya Pengajaran Guru dengan Tahap Ponteng Sekolah Menengah di Daerah Bachok, Kelantan’ oleh Mohd. Nawawi, et al. (2016), menghubungkan teori gaya pengajaran pelbagai model dengan tahap ponteng sekolah di daerah Bachok. Responden yang terdiri daripada 373 orang daripada lima buah sekolah di daerah tersebut berjaya membuktikan bahawa, gaya pengajaran paling mempengaruhi pelajar ialah gaya pengajaran Model Personal, diikuti oleh Model Delegator. Kajian ini secara umumnya dapat memberi penjelasan, bahawa pemilihan gaya pengajaran amat penting bagi mendapatkan perhatian dan respon pelajar

Seterusnya, kajian oleh Dagang (2016), bertajuk ‘Amalan Kreativiti Pengajaran Guru Pendidikan Islam di Sekolah-sekolah Negeri Johor’. Kajian ini adalah bertujuan melihat sejauhmana kefahaman dan tahap amalan pengajaran kreativiti guru dalam bilik darjah bagi menarik minat pelajar, dan mengesan amalan pengajaran yang paling dominan dalam kalangan guru. Kajian kuantitatif yang mengambil responden seramai 31 orang guru daripada sekolah-sekolah negeri Johor ini mendapati bahawa, amalan pengajaran kreativiti guru Pendidikan Islam secara praktikalnya hanyalah pada tahap sederhana sahaja. Keadaan ini sekali gus membesarkan kemungkinan bahawa pelajar kurang tertarik dan berminat untuk memberi perhatian terhadap pengajaran guru dalam bilik darjah.

Kajian berkaitan amalan pengajaran di dalam ‘Amalan Pedagogi Berpusatkan Pelajar dan Masalah Yang Dihadapi Guru-Guru Pelatih Program Pensiswazahan Guru Untuk Mengamalkan Pedagogi Berpusatkan Pelajar Semasa Praktikum’ oleh Shaari et al. (2016), membincangkan tentang amalan pengajaran berpusatkan pelajar yang diamalkan oleh guru pelatih. Kajian kualitatif ini juga menemukan kaedah-kaedah pengajaran berpusatkan pelajar yang paling dominan dan lazim diamalkan oleh guru pelatih, dan respon pelajar terhadap pengajaran mereka. Hasil dapatan kajian ini diperoleh daripada sesi temu bual, pemerhatian terhadap guru-guru pelatih, dan analisis refleksi pengajaran mereka. Berikutnya, kajian Taat & Abdullah (2014), turut menemukan hubungan antara amalan pengajaran dan pembelajaran guru dengan motivasi pembelajaran sendiri pelajar yang signifikan. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan pengaruh pemboleh ubah berdasarkan demografi tempat para pelajar. Dapatan ini dapat dilihat dalam kajian mereka bertajuk, ‘Impak Pengajaran dan Bimbingan Guru Pendidikan Islam, Terhadap Motivasi dan Pembelajaran Terarah Kendiri Pelajar’. Kajian ini melibatkan gaya kuantitatif yang mengambil seramai 407 orang pelajar sebagai responden, di dalam dan luar bandar.

Dalam pada itu, ‘Kajian Gaya Pembelajaran dan Motivasi Terhadap Pencapaian Pelajar Diploma Kejuruteraan di Politeknik’ oleh Chen et al. (2014), telah membuktikan kaedah pembelajaran bergrafik dan bersuara merupakan kaedah pembelajaran yang paling mendapat perhatian daripada pelajar. Oleh itu, pengkaji berpandangan para guru atau pensyarah, perlu memanfaatkan kaedah visual bagi meningkatkan minat pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran. Manakala, dapatan membuktikan minat mereka pula didominasi oleh faktor keluarga. Malah, gaya pembelajaran pelajar dengan pencapaian mereka tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan. Kajian kuantitatif menggunakan borang soal selidik ini, melibatkan seramai 291 orang pelajar diploma Kejuruteraan Elektrik.

METODOLOGI KAJIAN

Metadologi adalah salah satu bahagian yang dirangka untuk melakukan kajian terhadap sesuatu subjek kajian. Oleh hal demikian, bahagian ini akan menjelaskan reka bentuk kajian, alat atau instrumen kajian dan proses menganalisis data bagi mendapatkan jawapan terhadap persoalan kajian yang dikemukakan (Hornby, 1985)

Reka bentuk Kajian

Rekabentuk kajian adalah bertujuan untuk mencari maklumat dan mengawal pembolehubah. Oleh itu, satu rekabentuk kajian yang mantap sangat diperlukan dalam membuat kajian, supaya maklumat yang didapati boleh digunakan untuk menjawab persoalan kajian (Kerlinger, 1973). Oleh yang demikian, pengkaji melaksanakan kajian ini dengan menggunakan rekabentuk kuantitatif, iaitu melalui kaedah tinjauan untuk mengumpul data dengan menggunakan borang soal selidik. Penggunaan kaedah tinjauan merupakan cara terbaik bagi mengukur reaksi, tingkah laku, keyakinan, pandangan, faedah dan kecenderungan untuk saiz populasi yang luas (Babbie, 2008; Creswell, 2012). Richey & Klein (2007) mengatakan, kaedah tinjauan acapkali digunakan bagi kajian yang bersinambungan dengan pembangunan atau pengujian sesuatu model, jika ralat (error) dapat dikawal, hasil kajian boleh digeneralisasikan kepada populasi (Miller, 2003).

Instrumen Kajian

Untuk menjayakan kajian ini, pengkaji menggunakan soal selidik sebagai alat kajian. Penggunaan soal selidik bertujuan untuk mendapatkan maklumat berkenaan fakta, kepercayaan, kehendak, dan sebagainya. Pengkaji juga telah memilih soal selidik berbentuk skala Likert berskala 1 hingga 5 mata iaitu dari Sangat Tidak Setuju sehingga Sangat Setuju. Pemilihan skala Likert dalam kajian ini dibuat kerana mudah ditadbir, dianalisis, lebih tekal dan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi (Tay, 2003). Tambahan pula, menurut Croasmun et al. (2011), skala Likert 5 mata yang mempunyai pilihan pendapat neutral pada skala yang ketiga dapat memberikan satu kelonggaran kepada responden untuk tidak berasa terpaksa mengemukakan persepsi jika responden tidak mempunyai apa-apa pandangan.

Populasi dan Persampelan

Penentuan responden kajian dilakukan secara rawak mudah, bagi membolehkan soalan kajian dijawab dengan konsisten. Berpandukan kepada statistik yang dikemukakan oleh Laporan Pemeriksaan Rancangan Struktur Negeri Perak 2040, terdapat kira-kira $\pm 10,000$ orang pelajar sekolah menengah di Perak Tengah. Namun, bilangan responden yang terlibat hanyalah berjumlah 370 orang setelah pengiraan dilakukan berpandukan kepada jadual Krejcie & Morgan (1970). Responden yang terlibat pula terdiri daripada pelajar-pelajar tingkatan 4 dari empat buah sekolah menengah di daerah Perak Tengah iaitu dua buah daripada Zon Kampung Gajah (Selatan Perak Tengah) dan dua lagi daripada Zon Bota (Utara Perak Tengah).

Kebolehpercayaan Nilai Alfa Cronbach

Kebolehpercayaan item-item soal selidik dalam kajian ini adalah tinggi berdasarkan Cronbach Alpha 0.896 dan 0.863, yang diperoleh melalui kajian rintis yang dijalankan terhadap 30 orang responden. Berdasarkan maklumat-maklumat yang akan diperoleh daripada borang soal selidik, data tersebut akan dikumpulkan dan dikodkan. Soal selidik tersebut akan dipindahkan ke borang koding, bagi memudahkan proses kemasukan data ke dalam sistem komputer. Data-data tersebut akan diproses menggunakan perisian Pakej Statistik untuk Sains Sosial (SPSS) versi 25.0. Data tersebut dianalisis berdasarkan kekerapan dan peratus, untuk membuat huraian bagi menjawab persoalan kajian.

DAPATAN KAJIAN

Profil responden dalam jadual 1 di bawah didapati seramai 370 orang responden telah terlibat dalam kajian ini. Daripada jumlah ini, 175 orang (47.3%) adalah pelajar lelaki, manakala baki 195 orang (52.7%) adalah pelajar perempuan. Ini menunjukkan, bilangan responden pelajar perempuan lebih ramai berbanding responden pelajar lelaki. Selain itu, terdapat jenis sekolah, sama ada jenis sekolah luar bandar ataupun bandar. Daripada jumlah 370 orang responden, 97 orang pelajar (26.2%) adalah daripada kalangan sekolah kawasan bandar, manakala selebihnya iaitu 273 orang pelajar (73.8%), datang daripada jenis sekolah kawasan luar bandar. Bertitik tolak daripada itu, bagi jenis aliran yang mereka sedang ikuti, terdapat dua aliran yang mendominasi iaitu aliran sains dan sastera. 50 orang responden kajian ini (13.5%) adalah pelajar yang mengambil aliran sains, manakala sebahagian besar yang lain sedang mengambil aliran sastera, iaitu seramai 320 orang pelajar mewakili 86.5% daripada keseluruhan bilangan responden. Seterusnya, data gred bagi mata pelajaran Pendidikan Islam dalam Peperiksaan Pertengahan Tahun, Tingkatan 4/2018. Daripada 370 jumlah orang responden, 204 orang (55.1%) daripadanya mendapat gred A, 120 orang (42.4%) mendapat gred B, 34 orang (9.2%) mendapat gred C, dan 12 orang (3.2%) mendapat gred D. Data ini menunjukkan prestasi Pendidikan Islam di sekolah-sekolah Perak Tengah yang terlibat adalah baik. Akhir sekali, latar belakang pendidikan tertinggi ibu atau bapa mereka. Seramai 24 orang responden (6.5%) ibu bapa mereka berpendidikan formal pada tahap SRP/PMR. Majoriti daripada jumlah responden iaitu 154 orang (41.6%) berpendidikan pada tahap SPM. Manakala seramai 86 orang (23.2%) berpendidikan formal pada tahap Diploma, 92 orang (24.9%) pada tahap Sarjanamuda, 11 orang (3.0%) pada tahap Sarjana, dan hanya 3 orang atau 0.8% pada tahap PhD atau Doktor Falsafah.

Jadual 1: Taburan Demografi

Item		Kekerapan (N)	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	175	47.3
	Perempuan	195	52.7
Jenis Sekolah	Bandar	97	26.2
	Luar Bandar	273	73.8
Aliran	Sains	50	13.5
	Sastera	320	86.5
Gred Mata Pelajaran Pendidikan Islam pada Peperiksaan Pertengahan Tahun 2018	A	204	55.1
	B	120	32.4
	C	34	9.2
	D	12	3.2
	E	0	0
	G	0	0
	SRP/PMR	24	6.5
Tahap Pendidikan Tertinggi Ibu atau Bapa	SPM	154	41.6
	Diploma	86	23.2
	Sarjanamuda	92	24.9
	Sarjana	11	3.0
	PhD	3	0.8

Persepsi Pelajar Terhadap Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam

Taburan analisis tinjauan bagi amalan pengajaran guru pendidikan Islam terhadap kaedah pengajaran langsung dalam kalangan responden ditunjukkan dalam Jadual 2 di bawah dengan nilai min keseluruhan berada pada tahap sederhana tinggi iaitu ($M = 3.80$, $SP = 0.39$). Secara keseluruhannya, empat item berada pada tahap sederhana tinggi, dua item berada pada tahap tinggi, dan satu berada pada tahap sederhana rendah iaitu item C131 “Guru Pendidikan Islam memberitahu saya objektif pembelajaran sebelum memulakan sesuatu topik” dengan nilai min ($M = 2.77$, $SP = 0.75$).

Jadual 2: Berpusatkan Guru : Pengajaran Langsung

Kod Item	Item	Kekerapan & Peratus (N=370)					Min	SP	Interpretasi
		STS	TS	TP	S	SS			
C131	Guru Pendidikan Islam memberitahu saya objektif pembelajaran sebelum memulakan sesuatu topik.	6 (1.6)	126 (34.1)	197 (53.2)	28 (7.6)	13 (3.5)	2.77	0.75	Sederhana Rendah
	Guru Pendidikan Islam bersedia rapi menyampaikan pengajaran dengan teratur.	0 (0.0)	4 (1.1)	109 (29.5)	198 (53.5)	59 (15.9)	3.84	0.68	Sederhana Tinggi
C132	Guru Pendidikan Islam selalu menggunakan contoh-contoh yang tepat untuk menjelaskan sesuatu teori.	0 (0.0)	1 (0.3)	28 (7.6)	102 (27.6)	239 (64.6)	4.56	0.64	Tinggi
	Guru Pendidikan Islam memberikan soalan lisan selepas menerangkan sesuatu teori.	0 (0.0)	3 (0.8)	58 (15.7)	235 (63.5)	74 (20.0)	4.02	0.62	Tinggi
C133	Guru Pendidikan Islam memberi peluang kepada saya mempraktikkan teori dalam bilik darjah.	0 (0.0)	9 (2.4)	119 (32.2)	195 (52.7)	47 (12.7)	3.75	0.69	Sederhana Tinggi
	Guru Pendidikan Islam memantau pelajar mempraktikkan teori baru ketika pengajaran.	0 (0.0)	9 (2.4)	96 (25.9)	240 (64.9)	25 (6.8)	3.75	0.60	Sederhana Tinggi

bersambung

C137	Guru memberikan latihan tambahan setelah tamat sesi pengajaran dalam bilik darjah.	0 (0.0)	4 (1.1)	98 (26.5)	207 (55.9)	61 (16.5)	3.87	0.67	Sederhana Tinggi
Keseluruhan							3.80	0.44	Sederhana Tinggi

Jadual 3 di bawah memaparkan dapatan bagi amalan pengajaran guru pendidikan Islam melalui kaedah pengajaran masteri. Nilai min keseluruhan juga berada pada tahap sederhana iaitu ($M = 3.73$, $SP = 0.35$). Secara keseluruhannya, dua item berada pada tahap tinggi, empat item berada pada tahap sederhana tinggi, manakala satu lagi berada pada tahap sederhana rendah, iaitu C239 “Guru Pendidikan Islam memastikan saya benar-benar memahami konsep sebelum melangkah ke topik baru” ($M = 2.91$, $SP = 0.62$).

Jadual 3: Berpusatkan Guru : Pengajaran Masteri

Kod Item	Item	Kekerapan & Peratus (N=370)					Min	SP	Interpretasi
		STS	TS	TP	S	SS			
C238	Guru Pendidikan Islam sering mengulang beberapa kali konsep yang sukar difahami.	0 (0.0)	0 (0.0)	33 (8.9)	209 (56.5)	128 (34.6)	4.25	0.60	Tinggi
	Guru Pendidikan Islam memastikan saya benar-benar memahami konsep sebelum melangkah ke topik baru.	0 (0.0)	85 (23.0)	237 (64.1)	43 (11.6)	5 (1.4)	2.91	0.62	Sederhana Rendah
C240	Saya disediakan dengan latihan tubi yang cukup sebelum melangkah ke topik baru.	0 (0.0)	10 (2.7)	117 (31.6)	223 (60.3)	20 (5.4)	3.68	0.61	Sederhana Tinggi
	Guru Pendidikan Islam mengajar daripada tahap mudah kepada tahap sukar supaya saya mudah memahami.	0 (0.0)	1 (0.3)	62 (16.8)	180 (48.6)	127 (34.3)	4.17	0.70	Tinggi
C241									

bersambung

C242	Guru Pendidikan Islam melaksanakan ujian atau kuiz sebelum memasuki ke topik yang baru.	0 (0.0)	9 (2.4)	94 (25.4)	168 (45.4)	99 (26.8)	3.96	0.78	Sederhana Tinggi
	Guru Pendidikan Islam membimbing secara individu jika saya masih tidak memahami sesuatu konsep.	0 (0.0)	6 (1.6)	164 (44.3)	169 (45.7)	31 (8.4)	3.60	0.66	Sederhana Tinggi
C243	Guru Pendidikan Islam menguji saya setelah membuat penerangan ke atas sesuatu konsep.	0 (0.0)	16 (4.3)	155 (41.9)	184 (49.7)	15 (4.1)	3.53	0.64	Sederhana Tinggi
C244									
Keseluruhan							3.73	0.35	Sederhana Tinggi

Dapatan dalam Jadual 4 di bawah menunjukkan, nilai min keseluruhan amalan pengajaran guru pendidikan Islam melalui kaedah pembelajaran koperatif berada pada tahap sederhana tinggi ($M = 3.65$, $SP = 0.38$). Lima daripada tujuh item berada di tahap sederhana tinggi dengan min tertinggi ($M = 3.81$, $SP = 0.63$) iaitu item C349 “Guru mengarahkan rakan membantu jika ahli kumpulan masih tidak memahami konsep”. Dua item lagi berada di tahap tinggi C345 “Guru Pendidikan Islam sering membentuk kami kepada kumpulan kecil untuk belajar bersama-sama” dan sederhana rendah C346 “Guru Pendidikan Islam menggabungkan pelajar pintar dengan pelajar lambat dalam satu kumpulan” dengan min masing-masing ($M = 4.48$, $SP = 0.54$) dengan ($M = 2.30$, $SP = 0.67$).

Jadual 4: Berpusatkan Pelajar : Pembelajaran Koperatif

Kod Item	Item	Kekerapan & Peratus (N=370)					Min	SP	Interpretasi
		STS	TS	TP	S	SS			
C345	Guru Pendidikan Islam sering membentuk kami kepada kumpulan kecil untuk belajar bersama-sama.	0 (0.0)	0 (0.0)	8 (2.2)	176 (47.6)	186 (50.3)	4.48	0.54	Tinggi
	Guru Pendidikan Islam menggabungkan pelajar pintar dengan pelajar lambat dalam satu kumpulan.	31 (8.4)	207 (55.9)	120 (32.4)	11 (3.0)	1 (0.3)	2.30	0.67	Sederhana Rendah
C346									

bersambung

C347	Guru Pendidikan Islam memberikan kami isu atau bahan untuk dipelajari dalam kumpulan.	0 (0.0)	2 (0.5)	115 (31.1)	227 (61.4)	26 (7.0)	3.74	0.58	Sederhana Tinggi
	Guru Pendidikan Islam menggalakkan kami mencapai kefahaman bersama apabila berada dalam kumpulan.	0 (0.0)	9 (2.4)	131 (35.4)	212 (57.3)	18 (4.9)	3.64	0.61	Sederhana Tinggi
C348	Guru mengarahkan rakan membantu jika ahli kumpulan masih tidak memahami konsep.	0 (0.0)	4 (1.1)	103 (27.8)	221 (59.7)	42 (11.4)	3.81	0.63	Sederhana Tinggi
	Guru Pendidikan Islam akan membuat aktiviti untuk kami bersaing di antara kumpulan.	0 (0.0)	10 (2.7)	107 (28.9)	206 (55.7)	47 (12.7)	3.78	0.69	Sederhana Tinggi
C349	Kami selalu mendapat markah kuiz yang tinggi apabila belajar secara berkumpulan.	0 (0.0)	10 (2.7)	117 (31.6)	188 (50.8)	55 (14.9)	3.77	0.72	Sederhana Tinggi
C350									
C351									
Keseluruhan							3.65	0.38	Sederhana Tinggi

Jadual 5 di bawah menunjukkan nilai min keseluruhan amalan pengajaran guru Pendidikan Islam melalui kaedah pembelajaran berasaskan masalah berada pada tahap sederhana tinggi ($M = 3.79$, $SP = 0.33$). Lima daripada tujuh item berada pada tahap sederhana tinggi, manakala dua lagi item, C452 “Guru Pendidikan Islam sering memberikan kami isu untuk difikirkan penyelesaiannya” dan item C458 “Guru Pendidikan Islam menyimpulkan hukum yang paling tepat berlandaskan kefahaman agama yang sebenar” berada pada tahap tinggi dengan min masing-masing ($M = 4.42$, $SP = 0.55$) dan ($M = 4.37$, $SP = 0.55$).

Jadual 5: Berpusatkan Pelajar : Pembelajaran Berasaskan Masalah

Kod Item	Item	Kekerapan & Peratus (N=370)					Min	SP	Interpretasi
		STS	TS	TP	S	SS			
C452	Guru Pendidikan Islam sering memberikan kami isu untuk difikirkan penyelesaiannya.	0 (0.0)	0 (0.0)	12 (3.2)	187 (50.5)	171 (46.2)	4.42	0.55	Tinggi
C453	Guru Pendidikan Islam memberikan masa fikir yang cukup untuk menganalisis masalah.	2 (0.5)	62 (16.8)	232 (62.7)	69 (18.6)	5 (1.4)	3.03	0.65	Sederhana Tinggi
C454	Kami mampu menyenaraikan beberapa penyelesaian daripada isu yang diberikan.	0 (0.0)	6 (1.6)	95 (25.7)	248 (67.0)	21 (5.7)	3.76	0.57	Sederhana Tinggi
C455	Kami mempunyai alasan tersendiri daripada penyelesaian yang diberikan.	0 (0.0)	3 (0.8)	102 (27.6)	237 (64.1)	28 (7.6)	3.78	0.58	Sederhana Tinggi
C456	Guru Pendidikan Islam meminta kami memikirkan akibat daripada penyelesaian sesuatu masalah.	0 (0.0)	5 (1.4)	72 (19.5)	248 (67.0)	45 (12.2)	3.90	0.60	Sederhana Tinggi
C457	Kami akan memikirkan dasar kefahaman agama untuk membuat sesuatu keputusan.	0 (0.0)	31 (8.4)	224 (60.5)	99 (26.8)	16 (4.3)	3.27	0.67	Sederhana Tinggi

bersambung

C458	Guru Pendidikan Islam menyimpulkan hukum yang paling berlandaskan kefahaman agama yang sebenar.	0 (0.0)	0 (0.0)	14 (3.8)	205 (55.4)	151 (40.8)	4.37	0.55	Tinggi
	Keseluruhan						3.79	0.33	Sederhana Tinggi

Jadual 6 di bawah pula menjelaskan perbandingan min keseluruhan amalan pengajaran guru Pendidikan Islam, bagi keempat-empat kaedah pengajaran dan pembelajaran. Keempat-empat kaedah amalan pengajaran guru Pendidikan Islam, telah menunjukkan nilai min berada pada tahap sederhana tinggi, dengan min yang tertinggi iaitu kaedah “Pengajaran Langsung” ($M = 3.80$, $SP = 0.44$), diikuti kaedah “Pembelajaran Berasaskan Masalah” dengan nilai min ($M = 3.79$, $SP = 0.33$), kemudian kaedah “Pengajaran Masteri” ($M = 3.73$, $SP = 0.35$), dan kaedah yang terendah “Pembelajaran Koperatif” dengan ($M = 3.65$, $SP = 0.38$). Hasil dapatan ini telah menjadikan nilai keseluruhan min bagi amalan pengajaran guru Pendidikan Islam menjadi ($M = 3.74$, $SP = 0.29$) iaitu berada pada tahap sederhana tinggi.

Jadual 6: Perbandingan Min Keseluruhan Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam, Mengikut Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran

KAEDAH	MIN	SP	INTERPRETASI
Pengajaran Langsung	3.80	0.44	Sederhana Tinggi
Pengajaran Masteri	3.73	0.35	Sederhana Tinggi
Pembelajaran Koperatif	3.65	0.38	Sederhana Tinggi
Pembelajaran Berasaskan Masalah	3.79	0.33	Sederhana Tinggi
KESELURUHAN	3.74	0.29	Sederhana Tinggi

PERBINCANGAN KAJIAN

Amalan Pengajaran Berpusatkan Guru : Pengajaran Langsung

Perbincangan berkenaan dapatan persepsi pelajar terhadap amalan pengajaran guru Pendidikan Islam melalui kaedah pengajaran langsung ini, boleh pengkaji kelaskan kepada amalan sebelum pengajaran, semasa pengajaran, dan selepas pengajaran. Hal ini bertujuan, bagi memudahkan aliran skop perbincangan. Berdasarkan kepada konstruk kajian, terdapat dua item yang berkaitan amalan sebelum memulakan pengajaran langsung. Pertama, terdapat satu item yang agak kritikal dan penting untuk diamalkan oleh para guru umumnya, tetapi mendapat interpretasi yang sederhana rendah daripada para responden. Item tersebut ialah, adakah para guru Pendidikan Islam memberitahu pelajar mengenai objektif pembelajaran sebelum memulakan sesuatu topik. Menyatakan objektif pembelajaran dan pengajaran merupakan antara elemen terpenting dalam pengajaran dan pembelajaran, selepas menyediakan rancangan pengajaran. Namun, hampir 90% responden mengakui bahawa mereka tidak pasti dan tidak bersetuju bahawa guru Pendidikan Islam mereka, menyatakan objektif pembelajaran sebelum memulakan pengajaran. Dapatan ini sangat bertentangan dengan kajian Othman & Kassim (2017), yang berpandangan penyataan dan penjelasan objektif pembelajaran merupakan suatu elemen pengajaran yang paling penting, bagi meletakkan minda murid kepada tumpuan yang jelas, lebih-lebih lagi dalam pembelajaran berasaskan masalah, atau kemahiran berfikir aras tinggi.

Dapatan item kedua yang berkaitan dengan amalan sebelum pengajaran langsung ialah, 70% responden bersetuju bahawa guru Pendidikan Islam melakukan persediaan rapi sebelum menyampaikan pengajaran, dan menyampaikan pengajaran dengan teratur. Walau bagaimanapun, baki responden mengakui bahawa mereka tidak pasti dengan persediaan guru mereka sebelum mengajar. Dapatan ini

sejajar dengan teori Jasmi & Tamuri (2007), bahawa persediaan pengajaran dan perancangan rapi perlu dibuat sebelum guru melangkah ke bilik darjah, supaya pembelajaran lebih berfokus dan berkesan dalam diri pelajar. Bagi item yang berkait rapat dengan amalan semasa pengajaran dan pembelajaran pula, majoriti responden mengakui bahawa mereka berpuas hati dengan contoh-contoh tepat, yang dikemukakan oleh guru Pendidikan Islam mereka semasa menjelaskan sesuatu teori. Majoriti responden juga sedar bahawa, guru Pendidikan Islam kerap memberikan soalan lisan kepada mereka, selepas menerangkan teori-teori yang dipelajari. Malah, lebih 70% daripada mereka bersetuju bahawa guru Pendidikan Islam memantau aktiviti para pelajar ketika mempraktikkan teori pembelajaran dalam bilik darjah. Dapatan ini menunjukkan, kaedah pengajaran langsung dalam bilik darjah berlaku dengan agak baik, melalui contoh-contoh teori yang tepat, sesi soal jawab yang aktif, dan berlakunya sesi praktikal dengan pemantauan daripada guru. Manakala bagi amalan selepas pengajaran langsung pula, seramai lebih 70% daripada jumlah responden bersetuju bahawa guru Pendidikan Islam mereka memberikan latihan tambahan untuk dilaksanakan selepas waktu persekolahan. Amalan ini amat baik dan perlu konsisten dilaksanakan bagi menjamin pengukuhan dan kefahaman secara berterusan, sekali gus mengamalkan teori yang dipelajari di luar waktu persekolahan (Md Amin, 2013).

Amalan Pengajaran Berpusatkan Guru : Pengajaran Masteri

Berdasarkan hasil dapatan kaedah pengajaran masteri, dapatan keseluruhannya menunjukkan kaedah pengajaran ini berada pada tahap sederhana tinggi. Walau bagaimanapun, daripada sudut pengaplikasiannya, para responden majoriti bersetuju bahawa kaedah pengajaran masteri digunakan secara maksimum berdasarkan kepada item “Guru Pendidikan Islam sering mengulang beberapa kali konsep yang sukar difahami”. Item ini menunjukkan, guru Pendidikan Islam menggalakkan penggunaan kaedah pengajaran masteri dalam bilik darjah. Namun, daripada sudut perlaksanaannya pula, terdapat sedikit kepincangan apabila majoriti para responden mengakui, guru Pendidikan Islam tidak benar-benar memastikan para pelajar memahami konsep sebelum melangkah ke topik yang baharu. Dengan makna kata, guru terburu-buru untuk menghabiskan silibus tanpa memikirkan tahap kefahaman pelajar secara menyeluruh. Dapatan ini sejajar dengan kajian Mohamad et al. (2008), yang menyatakan permasalahan peruntukan masa merupakan antara cabaran dan realiti yang berlaku dalam Pendidikan Islam di sekolah-sekolah. Hal ini terbukti apabila item ini mendapat interpretasi sederhana rendah daripada enam item yang lain. Bahkan, responden juga kebanyakannya merasakan mereka belum lagi disediakan dengan latih tubi yang cukup, sebelum bergerak ke topik yang baharu. Pelajar juga mengalami masalah apabila guru Pendidikan Islam tidak dapat membimbing mereka secara individu dalam bilik darjah, sekiranya mereka tidak memahami sebarang konsep pembelajaran. Buktinya, separuh daripada responden tidak pasti dan bersetuju dengan item ini. Justeru, jika diamati kelemahan dan permasalahan item-item dalam konstruk ini, maka pengkaji dapat simpulkan bahawa, antara punca yang boleh diketengahkan ialah berkenaan kekangan masa. Guru Pendidikan Islam cuba untuk menghabiskan silibus berkadaran dengan waktu yang diperuntukkan dalam bilik darjah. Perhatian dan penelitian secara individu dalam bilik darjah kurang bersesuaian diamalkan dengan bilangan pelajar yang ramai. Keadaan ini tidak akan memungkinan guru Pendidikan Islam menghabiskan silibus, dalam waktu yang diperuntukkan (Othman & Kassim, 2017).

Amalan Pengajaran Berpusatkan Pelajar : Pembelajaran Koperatif

Hasil dapatan keseluruhan konstruk ini menunjukkan bahawa, persepsi pelajar terhadap kualiti amalan guru Pendidikan Islam dengan menggunakan kaedah koperatif adalah pada tahap sederhana tinggi. Walau bagaimanapun, pengaplikasian kaedah ini dalam bilik darjah adalah sangat menggalakkan. Dapatan ini dapat dibuktikan apabila 98% peratus daripada jumlah responden bersetuju bahawa para guru Pendidikan Islam sering membentuk mereka kepada kumpulan-kumpulan kecil dalam bilik darjah ketika proses pengajaran dan pembelajaran. Namun, pengaplikasiannya kelihatan kurang berkesan apabila respon pelajar terhadap majoriti item adalah pada tahap sederhana tinggi dan sederhana rendah sahaja. Menurut respon pelajar, majoriti daripada mereka mengesan bahawa guru Pendidikan Islam tidak menggabungkan pelajar pintar dengan pelajar lambat dalam satu kumpulan, dan membebaskan pelajar memilih ahli kumpulan mereka sendiri. Situasi ini sebenarnya memberikan impak kepada keberkesanan pembelajaran kerana, pelajar kebiasaannya lebih cenderung untuk memilih rakan

yang mereka berasa selesa sahaja. Jadi, berkemungkinan pemilihan ahli kumpulan berdasarkan pilihan pelajar sendiri adalah kurang berkesan untuk peningkatan prestasi pembelajaran mereka. Guru Pendidikan Islam yang sudah mengetahui tahap dan prestasi pelajar, seharusnya membahagikan ahli kumpulan secara saksama, supaya pelajar berprestasi tinggi dapat membantu pelajar berprestasi rendah dalam kumpulan. Pembahagian seperti ini bukan sahaja akan meningkatkan prestasi pelajar, malah memudahkan kerja guru untuk memberikan tumpuan kepada pelajar secara individu per individu. Kelemahan pembelajaran koperatif mereka ini, dapat dibuktikan apabila hampir 40% responden mengakui mereka tidak pasti dan tidak bersetuju dengan keberkesanan kaedah pembelajaran koperatif, yang dikendalikan oleh guru mereka. Mereka mengakui bahawa mereka jarang mendapatkan markah yang tinggi apabila belajar secara berkumpulan. Keadaan ini menunjukkan, terdapat kelemahan pada struktur keahlian pembelajaran mereka sehingga memberi kesan kepada prestasi pembelajaran. Prestasi pembelajaran koperatif sebegini adalah bertentangan dengan pandangan Mohd Yunus et al. (2011), yang mengatakan pembelajaran koperatif seharusnya dapat meningkatkan kemampuan pelajar kesan daripada perkongsian antara rakan pembelajaran. Malah, pembelajaran koperatif mampu menjadikan pelajar bertanggungjawab atas pembelajaran mereka sendiri.

Amalan Pengajaran Berpusatkan Pelajar : Pengajaran Berasaskan Masalah

Dapatan menunjukkan, amalan pengajaran guru Pendidikan Islam dengan menggunakan kaedah pengajaran berasaskan masalah adalah pada tahap sederhana tinggi, sama seperti tiga kaedah sebelum ini. Namun, kaedah pembelajaran berasaskan masalah ini diaplikasikan dengan giat oleh para guru, kerana respon pelajar sangat positif mengatakan guru Pendidikan Islam mereka, sering memberikan isu dan permasalahan agama untuk difikirkan penyelesaiannya. Dapatan ini membuktikan, guru Pendidikan Islam benar-benar mengamalkan pembelajaran berteraskan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi. Walau bagaimanapun, daripada sudut pelaksanaannya, pelajar mengakui guru mereka tidak memberikan masa yang cukup untuk menganalisis masalah. Kesannya, terdapat peratusan yang menunjukkan pelajar kurang pasti dan gagal menyenaraikan penyelesaian daripada isu yang diberikan. Sedangkan guru Pendidikan Islam meminta pelajar memikirkan juga kesan dan akibat daripada penyelesaian daripada sesuatu masalah tersebut. Dapatan ini terbukti apabila hampir 80% responden mengakui, guru Pendidikan Islam meminta mereka menyenaraikan kesan dan akibat daripada keputusan yang mereka ambil, sebagai penyelesaian kepada isu yang diberikan. Terdapat juga item kritikal yang menunjukkan kefahaman dan penghayatan pelajar terhadap agama masih lemah. Buktinya, majoriti pelajar tidak pasti dan tidak langsung memikirkan dasar-dasar kefahaman agama, untuk menyelesaikan isu atau permasalahan yang diberikan oleh guru. Dapatan ini menunjukkan, terdapat kelompongan terhadap kefahaman pelajar dalam kehidupan beragama mereka. Bagaimanakah mereka mampu menentukan baik dan buruk sesuatu perkara, jika tidak berlandaskan kefahaman yang benar kepada suruhan dan tegahan agama Islam itu sendiri? Keadaan ini adalah kesan daripada penghayatan agama yang lemah dalam kehidupan seharian pelajar (Mohamed *et al.*, 2014). Namun, majoriti responden mengakui guru Pendidikan Islam mampu memberikan kesimpulan hukum yang paling tepat terhadap isu, berlandaskan kefahaman agama yang sebenar. Persepsi ini membuktikan, guru Pendidikan Islam benar-benar faham dengan pengetahuan agama mereka, dan berkualiti tinggi untuk mengajarkan ilmu kepada para pelajar di sekolah.

IMPLIKASI KAJIAN

Secara mudahnya, persepsi pelajar terhadap amalan pengajaran guru Pendidikan Islam, adalah suatu respon dan maklum balas pelajar terhadap produk seorang guru, kepada diri mereka. Secara keseluruhannya, penilaian dan persepsi pelajar terhadap amalan pengajaran guru Pendidikan Islam, memerlukan penambahbaikan secara berterusan. Hal ini kerana, dapatan menunjukkan penilaian pelajar terhadap keempat-empat kaedah pengajaran dan pembelajaran guru Pendidikan Islam mereka, adalah pada tahap sederhana tinggi. Oleh itu, masih terdapat ruang yang perlu diperbaiki bagi meningkatkan lagi mutu dan kualiti pengajaran kepada tahap tinggi, melalui kaedah-kaedah pengajaran dan pembelajaran yang pelbagai, yang perlu disesuaikan dengan kehendak dan keperibadian pelajar yang penuh rencam.

Amalan Pengajaran Berpusatkan Guru : Pengajaran Langsung

Persepsi pelajar terhadap kaedah pengajaran langsung, yang diamalkan oleh guru Pendidikan Islam, membuktikan masih terdapat kelompondan padanya. Disebabkan item-item dalam konstruk ini mewakili prosedur atau teknik pengajaran langsung, maka item-item yang kurang mendapat persetujuan pelajar, adalah prosedur atau teknik yang belum dipatuhi oleh para guru Pendidikan Islam. Oleh yang demikian, implikasi terhadap kaedah pengajaran langsung ini memerlukan perancangan, dan kepatuhan yang konsisten daripada para guru Pendidikan Islam, supaya pengajaran langsung yang dihasilkan memberi makna kepada para pelajar daripada sudut teori dan amalan seharian. Langkah pertama pengajaran iaitu menyediakan rancangan pengajaran harian, hinggalah kepada memberikan pengukuhan setelah tamat pembelajaran, perlulah disempurnakan sebelum melangkah ke sesi pengajaran berikutnya (Slavin, 1997).

Amalan Pengajaran Berpusatkan Guru : Pengajaran Masteri

Implikasi persepsi pelajar terhadap amalan pengajaran guru Pendidikan Islam menerusi kaedah pengajaran masteri, menunjukkan bahawa kaedah ini memerlukan semakan semula secara jelas oleh guru Pendidikan Islam. Beberapa langkah pengemasan kaedah masteri oleh guru Pendidikan Islam, perlu diutamakan bagi menjamin keberkesanan pengajaran dan pembelajaran bilik darjah. Hal ini kerana, dapatan memaparkan persepsi yang kurang memuaskan dalam kalangan segelintir pelajar. Keadaan ini menunjukkan, kaedah masteri yang dilakukan masih belum jelas di tanggapan pelajar, dan sudah pasti memberi kesan kepada penguasaan teori dan amali dalam sesi pembelajaran. Walaupun kaedah ini kerap diaplikasikan dalam bilik darjah menurut respon, namun pelaksanaannya tidak mendapat maklum balas yang baik. Menurut Mohd Yunus (2011), aspek peruntukan masa, penyediaan latihan, dan bimbingan, perlu dikemaskini dan dirancang sebaiknya, supaya kaedah ini dapat berjalan dengan teratur dan berkesan.

Amalan Pengajaran Berpusatkan Pelajar : Pembelajaran Koperatif

Implikasi terhadap amalan pengajaran guru Pendidikan Islam, melalui kaedah pembelajaran koperatif menurut persepsi pelajar pula menunjukkan, teknik dan kaedah ini perlu ditambah baik lagi melalui perancangan yang berkesan dan menjimatkan. Aspek-aspek teknikal seperti pembahagian ahli kumpulan, dan galakan perbincangan, perlu diperkasakan lagi bersesuaian dengan konsep pembelajaran koperatif itu sendiri (Woolfolk, 1998). Namun realiti yang berlaku, dapatan menunjukkan pelajar tidak dibahagikan secara saksama melalui tahap intelektual dan prestasi, bahkan diberikan kebebasan kepada mereka untuk memilih ahli kumpulan masing-masing. Situasi ini akan memberikan kepincangan dan kegagalan kepada keberkesanan pelajar di hujung sesi pembelajaran koperatif. Prestasi mereka dalam ujian pengukuhan juga tidak akan menunjukkan hasil yang baik, sekali gus tidak memaparkan keadaan sebenar tahap kefahaman mereka. Apa yang sepatutnya berlaku ialah, guru yang sudah sedia maklum dengan tahap intelektual dan prestasi pelajar, perlu membahagikan pelajar-pelajar pintar ke dalam setiap kumpulan, justeru dapat membantu guru membimbing rakan-rakan, dan melakukan perkongsian. Pembelajaran koperatif sepatutnya menjadi pembelajaran yang memudahkan guru Pendidikan Islam, menjimatkan masa dan tenaga, serta meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah (Ramlah Jantan et al, 2011).

Amalan Pengajaran Berpusatkan Pelajar : Pembelajaran Berasaskan Masalah

Implikasi terhadap amalan pengajaran guru, melalui kaedah pembelajaran berasaskan masalah, menurut respon pelajar mendesak kaedah ini dipergiat dan diberi penambahbaikan. Hal ini kerana, majoriti pelajar mengakui bahawa guru mereka menggunakan kaedah ini dengan kerap dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Akan tetapi, prosedur dan tekniknya masih lagi ditahap sederhana tinggi. Dapatan ini dapat dikesan melalui respon pelajar, yang kurang pasti dan kurang bersetuju dengan item-item tertentu. Peruntukan masa yang lebih harus diberikan kepada pelajar untuk menganalisis isu atau soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi. Majoriti pelajar mengakui mampu menjawab isu dan permasalahan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi, akan tetapi peruntukan masa yang kurang menyebabkan mereka gagal memikirkan penyelesaian kepada isu, dan mengaitkannya dengan dasar kefahaman agama. Oleh itu, perancangan dan peruntukan waktu yang sepadan dengan pengisian rancangan pengajaran harian, haruslah diatur dengan kemas dan berkesan, supaya lebih menarik dan menggalakkan minat murid, untuk mempelajari dan mengkaji mata pelajaran Pendidikan Islam secara kritis dan kreatif (Haji Nor & Dahalan, 2000; Wan Zah Wan Ali, 2011).

KESIMPULAN

Secara tuntasnya, bagi keseluruhan dapatan untuk amalan pengajaran guru Pendidikan Islam, penggunaan kaedah-kaedah pengajaran dan pembelajaran terpilih; (1) pengajaran langsung, (2) pengajaran masteri, (3) pembelajaran koperatif, dan (4) pembelajaran berasaskan masalah, maka dapat disimpulkan tiga isu utama berkaitan item yang memberi interpretasi kurang memberangsangkan kepada amalan pengajaran guru Pendidikan Islam. Pertama, isu pengurusan dan kekangan masa, yang membantutkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Antara item yang terlibat seperti, guru Pendidikan Islam tidak dapat memastikan pelajar benar-benar memahami konsep sesuatu teori, guru Pendidikan Islam tidak dapat membimbing secara per individu dengan berkesan dalam bilik darjah, dan pelajar tidak diberikan masa yang mencukupi ketika menjawab dan menganalisis isu Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam pembelajaran berasaskan masalah. Kedua, isu guru yang agak cuai dengan teknik dan keberkesanan pengajaran seperti, tidak menyatakan objektif secara verbal dan literal di awal pengajaran, tidak bersedia dengan rapi untuk mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam, tidak menggabungkan pelajar pintar dan pelajar lambat ketika pembelajaran koperatif, dan sebagainya. Seterusnya, isu kelemahan penghayatan para pelajar yang mengakui kurang memikirkan dasar dan teori kefahaman agama ketika menyelesaikan isu atau permasalahan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi, ketika pembelajaran berasaskan masalah. Walau bagaimanapun, masih terdapat kekuatan yang dapat dikesan seperti daripada sudut penguasaan ilmu guru Pendidikan Islam. Para pelajar mengakui guru Pendidikan Islam mempunyai penguasaan ilmu yang baik seperti memberikan contoh-contoh teori yang tepat, dan menyimpulkan hasil perbincangan dengan tuntas. Daripada sudut pengaplikasian kaedah, dapatan membuktikan guru Pendidikan Islam menggunakan empat kaedah pengajaran dan pembelajaran terpilih. Tinggal lagi, pelaksanaan kaedah pengajaran dan pembelajaran tersebut, yang perlu dikemaskini dan diberikan nilai tambah, supaya pengajaran dan pembelajaran berjaya menarik minat pelajar kepada mata pelajaran Pendidikan Islam. Justeru, guru-guru Pendidikan Islam perlulah bermuhasabah kembali dengan prestasi pengajaran masing-masing, melalui hasil dapatan bersumberkan persepsi pelajar ini. Segala kekurangan dan kelemahan mestilah ditambah baik, supaya amanah sebagai seorang guru Pendidikan Islam terus terpelihara, dan menatijahkan pelajar-pelajar yang penuh penghayatan agama, sekaligus melahirkan masyarakat yang bertamadun dan berakhlak mulia.

RUJUKAN

- Abdullah, H., Zaini, A. R., Ab Latif, K. A., Ihsan, H., Ku Azizan, K., F., Wan Ngah, W. S., & Mansor, N. (2018). Pendidikan Abad Ke-21 Dalam Pengajaran Bahasa Arab Di Sekolah Menengah Di Malaysia: Amalan Dan Cabaran. 5th International Research Management & Innovation Conference di Palm Garden Hotel, Putrajaya.
- Ahmad, L. H. (2014). Persepsi Pelajar terhadap Kurikulum Pendidikan Islam Politeknik dalam Pembentukan Sahsiah Muslim. *Jurnal Pendidikan Malaysia*. 39(2): 133-140.
- Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) & Peraturan-peraturan Terpilih. 2003. Petaling Jaya: International Law Books Services
- Babbie, E. (2008). The basics of social research (4th ed.). Belmont, CA: Thomson Wadsworth.
- Chen, U. R., Masek, A., & Amiruddin, M. H. (2014). Kajian Gaya Pembelajaran Dan Motivasi Terhadap Pencapaian Pelajar Diploma Kejuruteraan Di Politeknik. *CiE-TVET2014*. 8: 117-136
- Creswell, J. W. (2012). Educational research: planning, conducting and evaluating quantitative and qualitative research (4th ed.). Boston, MA. Pearson Education
- Croasmun, James T; Ostrom, Lee. (2011). Using Likert-Type Scales in the Social Sciences. *Journal of Adult Education*.40,1, 19-22.
- Dagang, M. Y. (2016). Amalan Kreativiti Pengajaran Guru Pendidikan Islam di Sekolah-sekolah Negeri Johor. *Tesis PhD*: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Haji Nor, S., & Dahlan. (2000). Kemahiran Berfikir. Kuala Lumpur: Longman.
- Hornby, A. S. (1985). Oxford Advance Learner's Dictionary of Current English 3th Edition. British: Oxford University Press.
- Jasmi, K. A., & Tamuri, A. H. (2007). Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran. Johor: Penerbit UTM
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2013. Malaysian Education Blueprint 2013-2025 (Preschool to Post-Secondary Education). Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

- Mohd Yunus, K. R., Razali, M., & Jantan, R. (2011). HBEF Psikologi Pendidikan. Selangor: Open University Malaysia
- Kerlinger, F. N. (1973). Review of research in education. F. E. Peacock.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607–610. <https://doi.org/10.1177/001316447003000308>
- Md Amin, R. (2013). Pengurusan Pengajaran dan Pembelajaran Sekolah Rendah Kebangsaan di Zon Bandar Daerah Kota Tinggi. Sarjana Pendidikan: Universiti Teknologi Malaysia
- Miller, K. (2003). Conducting cognitive interviews to understand question-response limitations among poorer and less educated respondents. *American Journal of Health Behavior*, 27 (3), 264 – 272
- Mohamad, M. F., Ismail, Z., Md Saad, R. (2008). Celik al-Quran: Cabaran dan Realiti dalam Pendidikan Islam di Sekolah. *Masalah Pendidikan*. 31(1): 241-253.
- Mohamad, A. H., Baharudin, H., Jusoh, A. F., & Muda, M. Z. (2017). Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam Melalui Kaedah Nasyid. The International Seminar On Islamic Jurisprudence In Contemporary Society pada 4-5 Mac.
- Mohamed, N. S. N., Nawawi, N. F., Safar, A@J., & Jasmi, K. A. (2014). Kesedaran Motivasi Pelajar Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam. Seminar Antarabangsa Education, Law, Civilisation, Science and Technology, dalam Konsep dan Aplikasi, Fakulti Tamadun Islam, UTM Johor
- Mohd. Nawawi, A., Mohd, A., Md. Saad, N., Baharuddin, J., & Ismail, S. N. (2016). Hubungan Antara Gaya Pengajaran Guru dengan Tahap Ponteng Sekolah Menengah di Daerah Bachok, Kelantan. *Proceeding of ICECRS*. 1: 341-358.
- Mohd. Noordin, W. M. Z. (1988). Ke Arah Pelaksanaan Nilai-nilai Murni di dalam KBSM: Falsafah Pendidikan Negara. Kertas Kerja Seminar Nilai-nilai Murni Merentas Kurikulum dalam KBSM di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia.
- Othman, M. S., & Kassim, A. Y. (2017). Permasalahan Kemahiran Menetapkan Objektif Pengajaran Dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah Berteraskan Elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). www.jpp.edu.my/index.php/journal/full/9_3.pdf
- Pusat Perkembangan Kurikulum. 2005. Buku Panduan Pengajaran dan Pembelajaran Nilai Merentas Kurikulum KBSR/KBSM. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Qurashi, B. S. (2009). Al-Nizam al-Tarbawi fi al-Islam Dirasatun Muqaranah. t.tp.: Darul Ta'aruf li al-Matbu'ah
- Richey, R. C., & Klein, J. D. (2007). Design and development research. Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum Associates Publisher
- Shaari, A. S., Ghazali, M. I., Yusof, N. M., & Awang, M. I. (2016). Amalan Pedagogi Berpusatkan Pelajar Dan Masalah Yang Dihadapi Guru-Guru Pelatih Program Pensiswazahan Guru Untuk Mengamalkan Pedagogi Berpusatkan Pelajar Semasa Praktikum. *Proceeding of ICECRS di International Seminar on Generating Knowledge Through Research, UUM-UMSIDA* pada 25-27 Oktober.
- Slavin, R.E. (1997). Educational Psychology, Theory and Practice. Boston: Allyn and Bacon.
- Taat, M. S., & Abdullah, M. Y. (2014). Impak Pengajaran dan Bimbingan Guru Pendidikan Islam terhadap Motivasi dalam Pembelajaran Terarah Kendiri Pelajar. *Jurnal Pemikir Pendidikan*. 5: 1-19
- Tay, M. G. (2003). Satu tinjauan terhadap sikap dan masalah guru Bahasa Melayu di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan. *Jurnal Penyelidikan Maktab Perguruan Batu Lintang Sarawak*. 4: 78-85.
- Woolfolk, A.E. (1998). Educational Psychology. Boston: Allyn & Bacon
- Yalchin, M. (1977). Al-Tarbiyyah al-Akhlaqiyyah al-Islamiyyah. Mesir: Maktabah al-Khanji